

PHENEXPECT SYRUP

Diphenhydramine HCl, Ammonium Chloride (12.5mg/5ml, 135mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Phenexpect
2. Bagaimana Phenexpect berfungsi
3. Sebelum mengambil Phenexpect
4. Cara menggunakan Phenexpect
5. Semasa menggunakan Phenexpect
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Phenexpect
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Phenexpect

Phenexpect digunakan merawat batuk berkahak dan simptom bersin; hidung berair; dan simptom-simptom alahan yang lain dan selsema.

Bagaimana Phenexpect berfungsi

Phenexpect mengandungi:
 -*diphenhydramine*, yang merupakan antihistamina yang digunakan untuk melegakan simptom-simptom yang berkaitan dengan hidung dan simptom pelbagai keadaan alahan lain yang tidak berkaitan dengan hidung;
 -*ammonium chloride* adalah ekspektoran yang memudahkan kahak dibatuk keluar.

Sebelum mengambil Phenexpect

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Phenexpect jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada mana-mana bahan-bahan dalam sirap tersebut.
- anda mempunyai masalah buah pinggang
- anda mempunyai masalah hati
- anda mempunyai *porphyria* (penyakit darah yang jarang berlaku)
- anda mempunyai keadaan mata dipanggil glaukoma
- untuk lelaki, anda mengalami pembesaran prostat.

Jika anda tidak pasti jika mana-mana yang di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Phenexpect.

-Sebelum mula mengambil

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Phenexpect jika:

- anda hamil atau sedang menyusukan anak.

Memandu dan mengendalikan mesin

Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk. Jika rasa mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan jentera. Elakkan minuman beralkohol.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi; termasuk yang berikut:

- sedatif
- hipnotik
- trankuilizer

Kesemuanya digunakan untuk merawat keresahan dan ketegangan.

Kesan mengantuk boleh dipertingkatkan.

Cara menggunakan Phenexpect

-Berapa banyak harus diambil

Dewasa:

1 hingga 2 sudu teh diambil 3 atau 4 kali sehari.

Kanak-kanak:

6 hingga 12 tahun: 1 sudu teh 3 kali sehari.

2 hingga 6 tahun: 1/2 sudu teh 3 kali sehari.

Nota: 1 sudu teh adalah sama dengan 5 ml.

-Bila perlu digunakan

Ambil Phenexpect pada waktu yang sama setiap hari. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Sentiasa mengambil Phenexpect tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambilkannya secepat mungkin. Ambil dos seterusnya pada masa yang ditetapkan.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) telah mengambil terlalu banyak sirap pada masa yang sama, atau anda mengesyaki kanak-kanak mungkin telah mengambilnya, hubungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat dan beritahu doktor anda dengan segera.

Gejala dos berlebihan ialah :

Rasa mengantuk, pening, loya, muntah-muntah, kebingungan, sawan, takikardia (kadar jantung pantas), dan kegagalan respirasi (pertukaran gas yang tidak mencukupi oleh sistem pernafasan).

Semasa menggunakan Phenexpect

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Phenexpect selama yang doktor anda mencadangkan. Jika simptom masih berterusan atau tidak menjadi ringan selepas beberapa hari, sila berjumpa dengan doktor.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

-Jangan berikan Phenexpect kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

-Jangan mengambil Phenexpect untuk merawat sebarang simptom lain, melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

-Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan

PHENEXPECT SYRUP

Diphenhydramine HCl, Ammonium Chloride (12.5mg/5ml, 135mg/5ml)

kecuali ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Phenexpect tidak sesuai untuk digunakan dalam kanak-kanak berumur di bawah 2 tahun.

Gunakan dengan cermat dan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak berumur di antara 2 hingga 6 tahun.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Phenexpect boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami kesan-kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- Rasa mengantuk
- kekeringan mulut
- loya
- muntah

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang membimbangkan anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Phenexpect

-Penyimpanan

Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Sila pulangkan sirap yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya

simpan sirap jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air buangan atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Sirap likat berwarna coklat dengan rasa manis berperisa prun.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi:

- 12.5mg *Diphenhydramine HCl*
- 135mg *Ammonium Chloride*

Bahan-bahan tidak aktif

Sodium citrate dihydrate, menthol crystal, liquid glucose, sucrose crystal, sorbitol 70%, methyl hydroxybenzoate, propyl hydroxybenzoate, alcohol 96%, prune HC 3995, liquid caramel, sodium saccharin, purified water

-Nombor MAL

MAL19900592AZ

Pengilang

PT Actavis Indonesia

Jl. Raya Bogor Km. 28,
Kelurahan Pekayon, Kecamatan
Pasar Rebo

Kota Jakarta Timur, Provinsi
DKI Jakarta, Indonesia

Pemegang

Pendaftaran

Produk

DCH Auriga (Malaysia) Sdn.
Bhd.

Lot 6, Persiaran Perusahaan
Seksyen 23, 40300 Shah Alam
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

16/05/2023

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200108/325